

**TEKS UCAPAN  
YBHG. TUAN BARU BIAN  
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**

**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN  
PROJEK MENAIKTARAF SEKOLAH DAIF SK TAMING JAYA, BALAKONG.**

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS.

**Y.BHG DATO' SRI ZOHARI BIN HAJI AKOB**  
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

**Y.BHG. DATO' SRI IR. DR. ROSLAN BIN MD TAHA**  
KETUA PENGARAH KERJA RAYA MALAYSIA

**Y.BHG. DATUK IR. RUSLAN BIN ABD. AZIZ**  
PENGARAH JKR NEGERI SELANGOR

**YB. DR. ONG KIAN MING**  
AHLI PARLIMEN BANGI

**Y.BHG. DATO' HJ. ROSLI BIN OTHMAN**  
PEGAWAI DAERAH DAN TANAH HULU LANGAT

**Y.BRS. TUAN MOHD SAYUTI BIN BAKAR**  
YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

**YBRS. IR. DR. HAJI ZARABIZAN BIN HAJI ZAKARIA**  
JURUTERA DAERAH JKR HULU LANGAT

**YBRS. IR. SV KALAISELVAM A/L VELAYUDAN**  
JURUTERA DAERAH JPS HULU LANGAT

SELAMAT PETANG DAN SALAM SEJAHTERA.

1. BERSYUKUR KEPADA TUHAN KERANA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA BERHIMPUN PADA HARI INI DI DALAM MAJLIS PERASMIAN PROJEK MENAIKTARAF SEKOLAH DAIF SK TAMING JAYA, BALAKONG. SESUNGGUHNYA PADA HARI INI MERUPAKAN HARI YANG AMAT BERMAKNA BAGI PENDUDUK NEGERI SELANGOR, KHUSUSNYA PENDUDUK DI KAWASAN BALAKONG. DEMI KESELESAAN DAN KESEJAHTERAAN PRASARANA PENDIDIKAN KEPADA SELURUH PENDUDUK BALAKONG DAN JUGA KEPADA SEMUA WARGA SEKOLAH SK TAMING JAYA KHUSUSNYA.

#### **DATO'-DATO' DAN PARA HADIRIN SEKALIAN**

2. SERINGKALI KITA MENDENGAR PENYATAAN YANG MENYEBUT BAHAWA PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR ADALAH MERUPAKAN PENANDA ARAS KEPADA KEMAJUAN SESEBUAH NEGARA. DALAM HAL INI, TAHAP PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DI MALAYSIA JUGA TIDAK TERKECUALI. CONTOHNYA, PEMBANGUNAN RANGKAIAN JALAN RAYA, LEBUH RAYA, JAMBATAN, HOSPITAL, SEKOLAH DAN PRASARANA LAIN, YANG SENTIASA MENDAPAT PERHATIAN UMUM.

3. PETANG INI KITA AKAN MENYAKSIKAN SATU LAGI INISIATIF KERAJAAN PUSAT DAN KERAJAAN NEGERI BERSAMA SEMUA AGENSI TERLIBAT UNTUK MENYEDIAKAN INFRASTRUKTUR DAN PRASARANA TAMBAHAN YANG DAPAT MENINGKATKAN KESELESAAN DAN KESELAMATAN SEMUA WARGA PENDIDIK DAN PELAJAR DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN.

4. SAYA YAKIN, MELALUI PEMBANGUNAN YANG TERANCANG DAN BERKUALITI, IANYA DAPAT MERANCAKKAN LAGI AKTIVITI EKONOMI DAN MENYEDIAKAN KEMUDAHAN PRASARANA YANG UNGGUL BAGI MENARIK PERHATIAN PELABUR ASING DAN TEMPATAN BERLABUH DI NEGERI SELANGOR.

INI SEKALIGUS DAPAT MEMBANTU PERTUMBUHAN EKONOMI NEGERI YANG DINAMIK.

5. PEMBANGUNAN PRASARANA PENDIDIKAN INI PENTING SEBAGAI ASAS KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI MENGEMUDI PEMBANGUNAN DEMI MEMACU PERTUMBUHAN ILMU DAN PENDIDIKAN YANG LEBIH DINAMIK DAN BERDAYA SAING.

6. BAGI PIHAK KERAJAAN PERSEKUTUAN, SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA KONTRAKTOR IAITU SPA INTERGRATED SDN BHD YANG TELEH BERUSAHA KERAS BAGI MENJAYAKAN PEMBINAAN MENAIKTARAF BANGUNAN SEKOLAH DAIF SK TAMING JAYA INI. PEMBINAAN MENAIKTARAF INI TELAH MENELAN BELANJA KESELURUHAN SEBANYAK RM 5.4 JUTA DENGAN TERHASILNYA 5 BLOK BANGUNAN YANG MENGANDUNGI 15 BUAH KELAS / BILIK DARJAH, 1 BLOK TANDAS MURID DAN MENARA TANGKI AIR.

#### **DATO'-DATO' DAN PARA HADIRIN SEKALIAN**

7. SAYA YAKIN DAN PERCAYA, DENGAN KERJASAMA YANG KONSTRUKTIF INI, KITA DAPAT BERSAMA-SAMA MENGGALAS TANGGUNGJAWAB UNTUK MENYEDIAKAN INFRASTRUKTUR DAN PRASARANA DEMI KEMUDAHAN DAN KESELESAAN RAKYAT.

9. MAKA, DENGAN INI, MARILAH KITA BERSAMA-SAMA MENYEMPURNAKAN ACARA PERASMIAN PROJEK MENAIKTARAF SEKOLAH DAIF SK TAMING JAYA, BALAKONG, DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN.

SEKIAN, TERIMA KASIH.